

(<https://news.usm.my>).

Berita Mutakhir

08 DEC

PENSYARAH USM RAIH ANUGERAH ANTARABANGSA



The banner features a central portrait of Dr. Muhamad Saiful Bahri Yusoff, a man with glasses and a mustache, wearing a dark blue traditional Malay shirt. Above the portrait are the logos for USM (Universiti Sains Malaysia), APEX, and the 'SOARING UPWARDS' slogan with an upward-pointing arrow. To the right of the portrait is a small inset image showing a table with a white tablecloth, a vase of white flowers, and a certificate or award. Below the portrait, the text reads 'CONGRATULATIONS Dr Muhamad Saiful Bahri Yusoff Winner of Reimagine Education Teaching Delivery Award 2016'. Further down are logos for Wharton University of Pennsylvania, SEI Center for Advanced Studies in Management, and QS STARS Awards 2016 Reimagine Education. At the bottom, a purple banner contains the slogan 'KAMI MEMIMPIN | WE LEAD' and the website 'www.usm.my'. The date '7 December 2016' is printed in small text at the bottom left of the banner.

KUBANG KERIAN, 7 Disember 2016 – Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Kampus Kesihatan mengharumkan nama universiti apabila meraih anugerah bertaraf dunia melalui kaedah penyampaian pembelajaran berkesan kepada para pelajar.

Dr. Muhammad Saiful Bahri Yusoff yang merupakan Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan Pusat Pengajian Perubatan (PPSP) itu menjulang nama USM di pesada antarabangsa dengan menerima Johan dalam pertandingan bagi slot "Teaching Delivery" oleh Graduate School of Education, Universiti Wharton Pennsylvania.

Saiful Bahri menerima anugerah tersebut berdasarkan salah satu inovasi penyelidikan beliau yang bertajuk "Promoting Resilience and Preventing Burnout in Medical Students through the DEAL- Based Practice".

Menurut Saiful Bahri, proses pemilihan Reimagine Education Award ini melalui beberapa fasa saringan untuk berlayak disenaraikan di dalam pencalonan penganugerahan.

"Terdapat tiga saringan yang perlu dilalui oleh peserta, seperti hasil kajian akan dinilai oleh 100 pelajar PHD dalam bidang pendidikan, fasa kedua pula, hasil kajian akan dinilai oleh 40 orang ahli akademik dan hanya sebanyak 140 hasil inovasi akan melalui fasa ketiga iaitu akan dinilai oleh 40 panel elit terdiri daripada pemain industri utama dunia seperti IBM, Google dan Microsoft," jelasnya.

Menurutnya lagi, persidangan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti peserta yang paling berjaya dalam mewujudkan inisiatif pendidikan transformatif, serta membantu pihak berkepentingan dalam menentukan hala tuju pendidikan masa depan, serta mencipta peluang untuk bekerjasama dari segi rangkaian dan pelaburan.

"Anugerah ini juga adalah untuk mengiktiraf penerima pelbagai bidang yang telah memberi sumbangan serta impak kepada sosio-ekonomi termasuk alam sekitar, pendidikan, inovasi, manusia secepat dan juga ekonomi," jelas Saiful.

"Saya sangat bersyukur dengan pengiktirafan ini dan akan menjadi pencetus semangat untuk meneruskan kecemerlangan dalam menyemai bakti kepada universiti tercinta ini," katanya.

Teks: Mohamad Iqmal Mathlan / Foto: Muhammad Saiful Bahri Yusoff



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015